

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR SITI HASMAH BTE HAJI MOHD ALI
SEMPENA PERASMIAN PAMERAN 80 TAHUN KEPANDUAN
PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA
DI ARKIB NEGARA
PADA HARI RABU, 3 DISEMBER 1997
PUKUL 9.00 PAGI

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pameran ini kerana telah sudi menjemput saya merasmikan Pameran yang bersejarah ini.

2. Saya bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnianya dapat saya berada bersama puan dan tuan sekalian di hari yang bermakna ini kepada semua ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia dan kakitangan Arkib Negara Malaysia khususnya dan masyarakat umumnya.

3. Saya mengucapkan tahniah kepada kedua-dua pertubuhan yang telah bersepadu untuk menganjurkan Pameran bagi menyambut 80 tahun Kepanduan di Malaysia dan 40 tahun tertubuhnya Arkib Negara Malaysia.

4. Saya merasa bangga kerana Arkib Negara telah memilih Persatuan Pandu Puteri Malaysia sebagai satu program tahunan dan kerja utamanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan atas segala kerjasama yang diberikan untuk menjayakan pameran ini.

5. Pameran seperti ini buat pertama kalinya telah diadakan pada tahun 1987 semasa Persatuan Pandu Puteri Malaysia meraikan ulang tahun ke 70 dengan usahasama dan jasanya pihak Muzium Negara.

6. Saya percaya dengan pameran pada hari ini akan membawa kita mengimbas kembali kenangan dan pengorbanan semua yang berkenaan

dari seawal-awal lagi pada tahun 1916 dan pendaftarannya pada tahun 1917 hinggalah ke hari ini.

7. Semoga dengan bimbingan, didikan dan tunjuk ajar pemimpin yang berasaskan prinsip kepanduan diharapkan akan dapat melahirkan generasi muda yang lebih mampan, berketerampilan dan beretika tinggi.

8. Dengan lafas Bismillahi rahma nirahim saya merasmikan pembukaan pameran 80 tahun Kepanduan dan 40 tahun Arkib Negara.
